



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



**TAHAP PENGETAHUAN PENDIDIKAN AKIDAH: SATU
KAJIAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DAERAH KLUANG.**

*KNOWLEDGE LEVEL OF FAITH EDUCATION: A STUDY AMONG
SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN KLUANG DISTRICT.*

Siti Umiyati Mas'od^{1*}, Abd Basit Samat @ Darawi^{2*}

¹ Department of Account, Universiti Teknologi Malaysia
Email: umibahar@gmail.com

² Department of Account, Universiti Teknologi Malaysia.
Email: basit@utm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Mas'od, S. U., & Darawi, A. B. (2024). Tahap Pengetahuan Pendidikan Akidah: Satu Kajian Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Kluang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (54), 512-522.

DOI: 10.35631/IJEPC.954038

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Akidah merupakan satu ikatan keyakinan dan kepercayaan yang kukuh antara makluk dan Pencipta. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji elemen pendidikan akidah dapat membina diri pelajar. Pengetahuan akidah pelajar dalam kajian ini adalah berkaitan dengan elemen pembelajaran mereka di sekolah dan dihubungkait dengan pembangunan diri pelajar di sekolah. Instrumen soal selidik dibina adalah melalui proses adaptasi daripada kajian-kajian yang lepas dan penganalisis data dilakukan menggunakan analisis statistic deskriptif menggunakan min dan sisihan piawaian menggunakan perisian SPSS. Kajian tinjauan ini dilakukan secara dalam talian di 15 buah sekolah menengah di Daerah Kluang dan melibatkan seramai 352 orang pelajar. Dapatkan kajian mendapat elemen pendidikan akidah yang ada dalam diri pelajar berada pada tahap yang sangat tinggi dengan skor min 4.84. Hasil kajian ini diharap dapat memberi input yang berguna dan menjadi sumber inspirasi kepada guru pendidikan islam supaya dapat menggunakan lebih banyak penggunaan teknologi terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran akidah.

Kata kunci:

Akidah, Fahaman Liberal, Murtad.

Abstract:

Faith is a strong bond of belief and trust between the creature and the Creator. The purpose of this study is to study the elements of faith education that can build students' self. The knowledge of students' beliefs in this study is related to the elements of their learning at school and is linked to the self-development of students at school. The questionnaire instrument was built through a process of adaptation from previous studies and data analysis was done using descriptive statistical analysis using mean and standard deviation using SPSS software. This survey was conducted online in 15 secondary schools in Kluang District and involved a total of 352 students. The findings of the study found that the element of faith education in students is at a very high level with a mean score of 4.84. The results of this study are expected to provide useful input and be a source of inspiration for Islamic education teachers so that they can use more of the latest technology in the teaching and learning process for religious subjects.

Keywords:

Creed, Liberalism, Apostasy.

Pengenalan

Pelajar diibaratkan sebagai golongan muda yang masih memerlukan perlindungan, pendidikan, pengetahuan, bimbingan daripada seorang guru, ibubapa sebagai penunjuk jalan yang betul dalam menjalani kehidupan. Pelajar ini adalah dalam lingkungan umur sekitar 13 hingga 18 tahun. Usia yang muda ini yang dipanggil usia remaja adalah 13 tahun hingga awal 20 tahun adalah merupakan masa yang sangat penting dalam kehidupan mereka kerana usia ini merupakan usia peralihan dalam kehidupan remaja yang membentuk cara berdikari dan membentuk jati diri identiti dan ia merupakan fasa perubahan diri remaja dari segi mental dan fizikal sehingga dapat menimbulkan tekanan dan rasa ingin memberontak. Pada masa ini juga pelajar ini masih mencari identiti diri dan sangat perlukan kasih sayang dari keluarga. Pelajar ini juga sentiasa terdedah kepada pengaruh yang kurang sihat seperti gejala buli, dadah, rokok, samseng dan pelbagai lagi masalah remaja yang biasa kita dengar di dada akhbar yang telah ditulis mengenai perihal remaja. (Sivabalan & Ibrahim,2018).

Jika ditinjau secara umum kita dapat menilai tentang kualiti akhlak di dalam kalangan pelajar semakin meruncing kerana setiap hari akan ada kes yang semakin parah dilibatkan dan dikaitkan kepada remaja islam dimana ia melibatkan perkaitan tentang akidah dan kebanyakannya berlaku adalah bertentangan dengan akidah islam. Hal ini akan menjadi perosak atau penyakit yang akan merosakkan pembinaan negara dan pelajar ini adalah merupakan generasi yang memimpin negara. Berdasarkan jumlah kajian yang telah dikaji tentang permasalahan ini maka wajarlah permasalahan ini perlu diberi perhatian yang lebih serius kepada para pelajar dan guru serta masyarakat untuk memperbaiki dan memperbetulkan sistem ini agar pelajar ini dapat diselamatkan.

Pelajar ini merupakan pelapis atau modal insan dalam sebuah negara pada masa akan datang. Pelajar ini juga yang akan menentukan watak atau identiti dalam sebuah negara. Dalam usaha untuk membina golongan remaja ini menjadi satu kualiti yang baik maka usaha perlu dijalankan dan dilaksanakan berterusan dengan sebaiknya. Di Malaysia golongan remaja ini mempunyai aspek yang cemerlang dan berketerampilan dalam aspek akademik, kemahiran ,
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

sahsiah dan jati diri yang tinggi untuk menyumbang kepada negara secara positif dalam memberikan kejayaan, kecemerlangan dan mengukuhkan ekonomi. Ia akan menjadi sukar sekiranya remaja negara ini terjebak dengan tingkah laku negatif dan mempunyai permasalahan akhlak yang bertentangan dengan budaya timur dan juga budaya islam. Elemen kerohanian perlu diberikan tekanan dalam membina diri remaja supaya masyarakat madani dapat diwujudkan dari segi ilmu teknologi tanpa memikirkan adab dan nilai kemanusiaan .

Terdapat data statistik yang telah dikeluarkan oleh Sektor Perancangan dan Pengoperasian Pendidikan , Kementerian Pendidikan Malaysia telah menunjukkan bahawa kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar melibatkan salah laku disiplin mengikut daerah di Johor bagi tahun 2017 hingga 2023 melibatkan sejumlah 20,272 orang pelajar sekolah menengah di Johor yang terlibat. Manakala statistik menunjukkan pelajar melayu telah menyumbang sebanyak 26.78% atau seramai 5429 orang pelajar daripada keseluruhan data yang telah disahkan. Sumber data diperolehi daripada Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, sejumlah 31258 orang pelajar yang berumur diantara 13 hingga 18 tahun telah terlibat dengan kes juvana yang melibatkan sejumlah kes jenayah , harta benda dan jenayah kekerasan di seluruh Malaysia. Bagi tahun 2016 hingga 2023 ia mendapati 21735 kes atau 69.5% adalah pesalah juvana dalam kalangan pelajar yang beragama islam.

Kajian juga telah mendapati bahawa pelajar pada hari ini terlalu leka atau terlalu suka dengan media sosial. Dapatkan kajian telah mendapati pada tahun 2021 ia menunjukkan terdapat 21 juta pengguna media sosial di Malaysia. Penggunaan ini mewakili pelajar sebanyak 86 % pengguna aktif dan terdiri dikalangan remaja. Pelajar ini suka melayari terutamanya Facebook, Instagram, Tik Tok dan penggunaanya hampir setiap hari. (Zakiyuddin,2021).

Akibat dari penggunaan media sosial yang tidak terkawal ini , akan menyebabkan kepada ketagihan terhadap aplikasi ini. Pelajar ini sentiasa berada diruang media sosial dan diruang siber dan sentiasa berhubung dengan setiap maklumat dari seluruh negara dan pelusuk dunia tanpa dapat dikawal oleh guru dan ibu bapa. Oleh itu pelajar ini akan lebih terdedah dengan elemen-elemen yang salah dan negatif dan mengundang kepada gejala sosial. Kajian mendapati 35.3% pelajar di Malaysia terdedah kepada video dan gambar yang mempunyai kelucuan yang mudah di akses melalui internet , talifon pintar dan pebagai aplikasi yang telah digunakan. (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN),2021). Dapatkan kajian yang dilakukan oleh Azizah et al.(2022) telah mendapati bahawa penggunaan media sosial yang tidak terkawal serta pemilihan idola atau ikon yang diikuti oleh pelajar telah menambahkan dan menyumbangkan kearah peningkatan kes salah laku pelajar pada hari ini.

Permasalahan yang telah melanda pelajar Islam di Malaysia pada hari ini, telah menyebabkan banyak kajian yang telah dilaksanakan kerana semakin banyak kerosakan yang telah terjadi kepada pelajar ini. Jesteru itu pelajar sebagai pemangkin kemajuan negara pada masa hadapan perlulah disedarkan tentang keutamanan mereka dan tanggungjawab mereka di masa hadapan. Kebimbangan terhadap golongan pelajar ini bahawa mereka sebagai bakal pemimpin negara tidak dapat memimpin negara mengikut acuan agama dan ajaran Islam yang sebaiknya. Malah perkara ini perlu dibendung sebelum ia menjadi lebih serius dan lebih rosak dan mempengaruhi ramai lagi pelajar di Malaysia. Ini kerana pelajar yang masih bersifat muda dan masih lagi fasa remaja dan baru meningkat ke alam dewasa merupakan fasa kehidupan dimana sifat ingin tahu dalam diri mereka adalah sangat tinggi sehingga perkara ini dapat mendorong pelajar untuk

mencuba perkara baru malah dikatakan telah berusaha untuk memberontak demi untuk mencapai kebebasan dan keseronokkan sahaja. (Pa'ad et al.,2020).

Dalam membentuk diri pelajar ini, akidah pelajar perlu dibersihkan daripada fahaman dan pandangan yang salah sehingga mencetuskan kekeliruan dalam diri pelajar. Pengamalan ibadah dan akhlak remaja perlu dilihat sebagai keutamaan yang penting dari semua pihak termasuklah yang terlibat dengan dunia pendidikan Islam. Pendidikan Islam perlu diterapkan secara bersepada yang meliputi ilmu pengetahuan , amalan dan penghayatan , kematangan intelek , sosial, emosi , jasmani dan rohani pelajar, dan ia boleh diseimbangkan melalui kurikulum pendidikan yang mempunyai sistem yang baik. Objektif ini juga perlu ditekankan dalam kurikulum pendidikan islam melalui pendidikan akidah ,ibadah dan akhlak dan dipacu dengan kreadibiliti dan kreativiti guru-guru pendidikan Islam. Dalam Pendidikan Islam perlu diberi penekanan kepada aspek kerohanian dan jika ia berjaya direalisasikan untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai pengetahuan Islam dan mempraktikan dalam kehidupannya. Ia juga menjadi satu dari kemenjadian remaja sebagai modal insan yang holistik dan mempunyai daya saing dan dapat mengekang penglibatan remaja dalam salah laku jenayah.

Dalam kajian ini secara signifikannya pendidikan akidah memiliki keistimewaan yang tersendiri kerana Rasullulah SAW telah memilih pendidikan akidah sebagai modul asas dan utama dalam tempoh 13 tahun pertama dakwah baginda di Mekah. (Ibnu Hisham,1955). Melalui pemantapan pengetahuan pendidikan akidah juga dilihat sebagai salah satu kaedah istiabah iaitu membimbing melalui khidmat kaunseling akidah supaya bertaubat dan membatalkan hasrat untuk keluar Islam dan kembali semula taat kepada Allah SWT (Ismail et al.,2018;Dimon et al.,2018). Melalui kaedah nasihat dan kaunseling pendidikan akidah yang dipraktikkan di Negeri Johor bukan bermakna membuka pintu untuk keluar Islam tetapi mengambil tanggungjawab mengurus tadbir dengan baik dan boleh dijadikan contoh seperti diperuntukkan mengikut seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor. Kebanyakan kajian terdahulu telah membincangkan mengenai pendidikan akidah, namun banyak kajian yang telah dijalankan di dalam negara ia berfokus kepada aspek kurikulum, pedagogi pengajaran dan pembelajaran akidah seperti kajian Othman (2019), Ali (2019), Othman dan Kassim (2016). Disamping itu ada terdapat kajian tentang tahap kefahaman dan penghayatan akidah ini yang dilaksanakan di negeri Kelantan, Terengganu dan Johor. Namun penyelidik telah mendapati kajian tentang akidah masih kurang dijalankan di negeri Johor khususnya di Daerah Kluang dan kajian ini lebih berfokus kepada elemen pendidikan akidah yang dapat membina pelajar.

Kepentingan kajian ini juga memberi kesedaran kepada seluruh umat Islam tentang kepentingan pendidikan akidah. Manusia telah diciptakan oleh Allah SWT untuk taat dan beribadah kepada Allah semata-mata. Pendidikan akidah ini menjadi satu dasar kepercayaan dan keyakinan yang kukuh kepada Allah SWT supaya menjadi salah satu kepentingan agar umat Islam dapat dididik untuk melaksanakan ajaran Islam secara menyeluruh. Pengetahuan akidah menjadi sangat penting sebagai bekalan ilmu untuk pelajar menghadapi cabaran dalam isu semasa dalam segala hal ehwal kehidupan termasuklah dalam menghadapi cabaran Islam Liberal dan dalam menyahut cabaran modenisasi yang meragut kebanyakan masa umat Islam yang sukakan kepada materialistik dunia berbanding dengan keredhaan dan keselamatan diakhirat.

Sorotan Literatur

Remaja Islam Diancam Dengan Fahaman Liberalisme.

Remaja Islam telah dipengaruhi dengan fahaman liberalisme dimana faktor ini dilihat sebagai penyumbang utama kepada kerosakan remaja Islam. Menurut Musa dan Shah (2020) dan Md Sham (2018), telah menyatakan bahawa fahaman yang bertentangan dengan akidah Islamiah seperti liberalisme, sekularisme , athies dan agnostic mudah masuk dan disasarkan kepada remaja Islam kerana ia dilihat pada faktor teknologi masa kini yang mudah dan pantas untuk remaja mendapat maklumat dengan menggunakan teknologi moden yang mudah di akses dan digunakan oleh remaja. Pengaruh ini juga mudah disebar luaskan dengan penyebaran fitnah bahawa agama Islam merupakan agama yang inklusif dan terbuka serta boleh menerima agama lain sama taraf dengan agama Islam. (Ashaari et al., 2020). Banyak pengubahsuaian dan pencabulan yang berlaku mengikut kehendak dan cita rasa mereka sendiri (Ismail & Hassan,2021).

Pelajar ini juga semakin condong pemikirannya dan tidak mengambil berat tentang kepentingan agama Islam sehingga tidak beragama hasil daripada golongan liberal yang memperjuangkan konsep kebebasan agama yang tinggi dan memahami isu hak kebebasan beragama (Abd Rahman,2018; Jamaluddin & Abdul Majid, 2013; Hassim 2014 et al., 2016). Remaja ini cenderung hidup bebas tanpa perlu menjaga batasan undang-undang dan agama asalkan nafsu dan kepuasan diri dapat diimpikan.

Kelompok Melayu Yang Murtad Mengancam Jiwa Remaja Islam.

Kumpulan yang berfahaman sekularisme telah menjadikan remaja sebagai sasaran utama dalam mengelirukan akidah mereka sehingga mencetuskan gejala murtad sebagai matlamat akhir dalam perjuangan mereka. (Mohd Salleh et al., 2021). Kes ini telah direkodkan pada tahun 1999 - 2003 dimana terdapat 750 kes permohonan telah mengistiharkan permohonan pertukaran nama daripada nama Islam kepada nama yang bukan Islam di Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia (Aidil, 2006). Terdapat beberapa kes dimana sejumlah 863 kes permohonan pengistiharan yang berstatus agama Islam didaftarkan di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia daripada tahun 2000 hingga tahun 2010 (Tajul Ariffin,2013).

Di negeri Johor ini telah dicatatkan berdasarkan statistik yang berakhir tahun 2011 menurut sumber Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor juga telah menerima 172 kes permohonan untuk menukar status agama Islam dari tahun 2000 hingga 2010 (Muhammad et al., 2018). Manakala sebanyak 217 kes permohonan pengisytiharan status agama Islam didaftarkan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah negeri Johor sepanjang tahun 2010 hingga 2020 dengan purata satu permohonan keluar Islam yang telah dibuat pada setiap bulan (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor,2021).

Kebimbangan umat Islam dengan gejala murtad ini bertambah meruncing dengan bertambahnya kelompok Melayu Kristian di Malaysia. Mereka telah merahsiakan anutan mereka dan berpura- pura masih berpegang pada ajaran Islam sehingga menyukarkan kita untuk mengenali identiti mereka yang sebenarnya telah murtad. Pemurtadan mereka tanpa pengetahuan sesiapa termasuklah ibu bapa mereka kerana mereka langsung tidak menunjukkan tanda-tanda atau memiliki sebarang simbol yang mengesahkan yang mereka telah pun murtad. Oleh itu terdapat juga pergerakan dalam pengikut kristian ini telah pun mula menunjukkan kejayaan apabila telah berjaya untuk memenangi hati-hati ummat Islam melalui cara penyampaian yang digelar operasi Kristian tanpa gereja (churchless Christianity) dimana

mereka tidak perlu untuk hadir ke gereja untuk bersama mengikuti aktiviti agama yang dijalankan tetapi mereka perlu menjaga pegangan dan keimanan Kristian sambil berpura-pura menzahirkan keislaman mereka (Majlis Agama Islam Selangor,2014).

Daripada hal ini , ramai pengkaji telah mengkaji tentang cara strategi penyamaran mereka ini kerana mereka tidak mempamerkan lambang salib di rumah, malah tidak juga menyediakan bahan mengenai maklumat Kristian di tempat- tempat ruangan rumah mereka malah mereka juga tidak melakukan aktiviti Kristian dan kadang kala mereka ini mempamerkan kehidupan seperti orang muslim secara berkala seperti turut merayakan ibadah korban , bersolat di masjid, berpuasa dan turut meraikan sambutan Aidil Fitri bersama-sama keluarga sehingga kaum keluarga dan saudara mara tidak merasa syak bahawa anak mereka telah pun murtad. Kajian juga telah dibuat untuk mengesahkan pendapat ini yang mengatakan bahawa pihak gereja juga tidak menuntut jenazah melayu Kristian yang meninggal dunia malah membiarkan keluarga si mati menguruskan jenazah mereka secara Islam bagi menutup rahsia pemurtadan mereka.

Perkara ini adalah berpunca daripada sifat jahil yang ada dalam diri mereka dan mempunyai pegangan iman yang lemah sehingga sanggup menjadi murtad dan ini menjadi salah satu daripada faktor utama murtad. Kajian ini juga telah disahkan melalui beberapa kajian dan dapatan iaitu Muhammad (2018), dan Zain (2013), Mohd Yusuf et al.(2012). Malah terdapat juga kajian dalam persamaan faktor menjadi murtad dikalangan mualaf iaitu kerana faktor kejahilan mengenal tuhan dan ilmu yang dangkal tentang akidah Islam (Yaacob & Hanafiah ,2020); telah membuktikan bahawa faktor kelemahan pengetahuan akidah adalah merupakan faktor yang utama berlakunya gejala murtad tanpa mengira status muslim asal ataupun golongan mualaf. Oleh itu sebagai langkah yang drastik telah diambil dan langkah pencegahan telah dilaksanakan dengan membuat kajian terhadap elemen pendidikan akidah islamiah dalam membina pelajar perlu dilakukan sebagai langkah pencegahan gejala murtad secara sembunyi ataupun secara terang-terangan di dalam negara kita.

Jika ditinjau dengan permasalahan ini maka kita boleh melihat tentang peranan guru juga yang menjadi satu tanggungjawab yang utama dalam mencegah gejala murtad. Guru perlu memberikan pengajaran untuk melahirkan muslim yang mantap akidah dan fahaman kepada pendidikan akidah. Teori pengajaran akidah perlu menekankan aspek bimbingan dalam mengenal Allah, menanam rasa kehambaan kepada Allah, mendidik agar mengingati Allah merupakan cara yang terbaik dalam membentuk jatidiri pelajar supaya dapat membentuk jiwa insan seperti yang terkandung dalam matlamat akhir pendidikan Islam iaitu melahirkan insan yang soleh.

Elemen Pendidikan Akidah Islamiah Dalam Membentuk Jati Diri Pelajar.

Cerminan akidah yang mantap dapat mempengaruhi jati diri manusia ke tahap yang lebih baik di sisi Allah SWT. Pendidikan Islam di Malaysia disusun agar umat Islam dapat berpegang kepada fahaman yang betul dan sahih iaitu berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dan disertakan dengan amalan-amalan lain yang membantu untuk mengisbatkan dan mengesakan Allah SWT. Kefahaman dari segi berfikir adalah perlu dalam pegangan akidah muslim yang diperkuuhkan dengan dalil-dalil yang menyokong pendidikan akidah iaitu dalil naqliyah dan aqliyah. Kefahaman berfikir yang bersumberkan wahyu ini dapat menghilangkan kekeliruan dan kefahaman yang kurang jelas kerana ia bersandarkan kepada bukti – bukti yang telah dinyatakan di dalam al-Quran.

Elemen pendidikan akidah ini perlu diberi penekanan yang berfokuskan kepada penjanaan fikiran melalui kefahaman akidah Islamiyah seterusnya dapat diyakini sebagai tunjang dalam kehidupan. Manakala diperingkat rendah pula objektif yang ditetapkan adalah berkaitan dengan keyakinan dan asas-asas akidah untuk diamalkan. Manakala objektif pendidikan akidah secara mendalam ialah dari aspek penguasaan ilmu, amali, iltizam, penghayatan.

Elemen pendidikan akidah islamiah yang dapat membina pelajar juga turut menekankan kepada konsep pelaksanaan kemahiran yang berasaskan kepada mengaplikasi, menganalisis, menilai, menstruktur untuk mengambil iktibar dan pengajaran dan peringatan. Konsep elemen dalam pendidikan akidah ini seiring dengan pendekatan yang telah ditekankan dalam sumber al-Quran dan as-Sunnah yang telah dibawa oleh Imam al-Ghazali dimana pendidikan akidah ini diajar dan dibentuk dalam diri pelajar supaya mempunyai kekuatan akidah yang mantap dan berkualiti supaya terhindarnya gejala kemurtadan secara sembunyi – sembunyi.

Dalam membuat pendekatan terhadap elemen pendidikan akidah perlu ditekankan aspek kesesuaian dalam kandungan dan berdasarkan kepentingan kepada pelajar dimana ia perlu untuk mengaplikasikan kepelbagaian kaedah dan pendekatan supaya pelajar dapat mudah faham dan dapat menghayati ilmu pendidikan akidah. Kefahaman yang jelas mengenai pendidikan akidah dapat dihayati dalam konteks kehidupan dan dapat direalisasikan melalui pencerapan isi kandungan akidah yang telah diajar kepada pelajar. (Ahmad Yunus 2011)

Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan kaedah kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Maklumat yang dikutip ini bertujuan untuk mengetahui kefahaman pelajar terhadap elemen pendidikan akidah dalam membina diri pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 352 orang responden. Peserta kajian terdiri daripada pelajar Islam tingkatan lima yang sedang mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam KSSM SPM di daerah Kluang ,Johor.

Daerah Kluang telah dipilih sebagai lokasi kajian kerana masih kurang kajian yang dijalankan tentang pengetahuan pelajar mengenai elemen pendidikan akidah. Daerah Kluang juga yang berstatus bandar pasti mempunyai pelbagai kemudahan yang mungkin akan memberi kesan kepada pelajar di daerah ini. Kluang merupakan bandar yang termaju dan mempunyai gaya impak hidup yang lebih sosial dan mempunyai pelbagai masyarakat yang tinggal bersama. Oleh itu data yang telah dipilih ini mampu untuk menjawab persoalan serta tujuan kajian. Pelajar Islam sahaja yang dipilih adalah yang berada di dalam tingkatan lima sahaja yang mengikuti matapelajaran Pendidikan Islam KSSM di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) harian di daerah Kluang, Johor sahaja yang dilibatkan dalam kajian ini.

Pelajar tingkatan lima aliran Kelas Agama (KA) tidak dilibatkan dalam kajian ini dan mereka yang dipilih sebagai sampel kajian kerana ia lebih berkelayakkan untuk dinilai tahap pengetahuan akidah tentang elemen pendidikan akidah yang telah mereka lalui semasa dalam proses pembelajaran pendidikan akidah dan pendidikan kelas KAFA (Kursus Asas Fardhu Ain) secara formal melalui pembelajaran di sekolah formal yang biasa sejak daripada tadika pra ke sekolah rendah dan sekolah menengah hingga ke tingkatan lima.

Bilangan sampel kajian ini telah ditentukan secara kalkulator dan juga telah melepassi jumlah sampel seperti yang telah digariskan oleh iaitu seramai 351 orang. Kajian telah ditadbirkan secara dalam talian sahaja dengan menggunakan borang soal selidik sebagai satu instrumen kajian yang telah diadaptasi daripada kajian-kajian lepas yang bersesuaian dengan konstruk

elemen pendidikan akidah. Soal kaji selidik ini mengandungi 16 item dan data yang telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS yang melibatkan dapatan deskriptif untuk menilai pengetahuan pelajar mengenai item-item akidah pelajar.

Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Tahap pengetahuan akidah pelajar yang telah dianalisis datanya telah dijalankan secara statistic deskriptif bagi menentukan tahap pengetahuan akidah melalui cara penilaian skor min, sisihan piawaian dan interpretasi min. Berikut jadual dibawah adalah paparan bagi nilai min bagi setiap item dan diklasifikasikan kepada lima tahap seperti berikut :

Jadual 1 : Penilaian Skor Min Likert Lima Mata

Skor Min	Interpretasi Tahap
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi (ST)
3.50 – 4.29	Tinggi (T)
2.70 – 3.49	Sederhana (S)
1.90 – 2.69	Rendah (R)
1.00 – 1.89	Sangat Rendah (SR)

Sumber : Izani dan Yahya ,2014

Jadual 2 dibawah menunjukkan paparan tahap pengetahuan akidah pelajar melalui hasil min keputusan analisis deskriptif dengan keputusan skor min.

Jadual 2: Nilai Min Dan Sisihan Piawaian Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar.

Pengetahuan Akidah	m	SD	Tahap
Beriman kepada Allah	4.89	0.178	Sangat tinggi
Beriman kepada Hari Akhirat	4.79	0.292	Sangat Tinggi
Keseluruhan	4.84	0.184	Sangat Tinggi

Keputusan analisis dalam stastik tahap pengetahuan akidah pelajar adalah sangat tinggi. Analisis terhadap semua item dalam bahagian yang dilakukan agar hasil yang diperolehi itu dapat menunjukkan interpretasi skor min ada tahap yang sangat tinggi. Analisi yang dilaksanakan menunjukkan interpretasi skor min pada tahap sangat tinggi ($min = 4.84$, $SP = 0.184$) telah menunjukkan objektif utama dalam kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan akidah pelajar sekolah menengah di daerah Kluang. Dua perkara penting yang dapat diperhatikan ialah beriman kepada Allah SWT dan beriman kepada hari Akhirat yang telah diukur dengan kiraan skor min dan setiap satu dimensi mempunyai lapan jenis konstruk yang telah digunakan untuk mengujinya.

Kajian ini juga telah digunakan untuk mengkaji bagaimana tahap pengetahuan dalam pendidikan akidah Islam yang menjadi aspek kepada rukun iman iaitu pada item beriman kepada Allah dan hari akhirat sahaja. Beriman kepada Allah dan hari akhirat menjadi keutamaan pengkaji kerana ia ada hubungan yang rapat diantara beriman kepada Allah dan hari akhirat kerana jika pengkaji melihat dari sudut rujukan di dalam al-Quran ada terdapat sebanyak 21 ayat mengenai beriman kepada Allah dan hari akhirat. Perkataan beriman telah disebut sebaik selepas perkataan beriman kepada Allah (Abd al-Baqi,1981:2021). Beriman kepada Allah dan beriman kepada hari akhirat merupakan perkara utama yang dapat mewakili keseluruhan inti iman. Menurut Hamka, beriman kepada Allah dan beriman kepada hari akhirat

adalah pendorong utama ada kejayaan dalam merubah insan menjadi insan kamil dan baik kerana ia menjadi pendorong dalam membuat amalan kebaikan. (Bahrisy,2021).

Kajian Analisis yang dilaksanakan telah mendapati bahawa tahap pengetahuan akidah bagi pelajar sekolah menengah bagi kedua dua dimensi yang dikaji iaitu beriman kepada Allah dan beriman kepada hari akhirat adalah sangat tinggi dan ia mempunyai pengetahuan yang sangat tinggi direkodkan bagi semua item yang dikaji. Mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai kewujudan Allah dan mengetahui bahawa sifat Allah tidak terbatas dan sifat-sifatnya tidak serupa dengan makhluk yang dijadikan oleh Allah SWT. Pelajar-pelajar juga menunjukkan peratusan tahap sangat tinggi dari segi pengetahuan mengenai Allah yang selalu dengar rintihan dan doa hambanya walau hanya berdoa hanya didalam hati sahaja. Mereka juga mengetahui bahawa Allah tidak melahirkan dan tidak dilahirkan dan manusia boleh mengenal Allah SWT melalui cara fikiran, penciptaan manusia dan alam sekitar dan tidak mungkin manusia sebagai makhluk Allah boleh menyembunyikan segala perbuatan dan perlakuan daripada Allah SWT.

Daripada hasil kajian ini juga telah didapati bahawa lapan dimensi yang dianalisis melalui kajian adalah hari kiamat dimana nama lain yang boleh digunakan iaitu hari akhirat ataupun hari kebangkitan. Ia semua merujuk pada perkara yang sama iaitu hari akhirat. Hari akhirat ialah hari yang berlakunya kejadian seluruh alam dibinasakan oleh Allah dan semua makhluk akan mati dan akan dibangkitkan pada hari kiamat dan semua amalan baik atau buruk sekalian manusia akan dibalas dengan penuh keadilan daripada Allah. Pada hari akhirat juga semua anggota badan manusia akan menjadi penyaksian dan terhadap semua amal perbuatannya semasa hidup di dunia dan kisah mengenai hari kiamat ini boleh didapati di dalam al-Quran. Siksaan api neraka yang amat mengerunkan dan amat menakutkan semuanya telah dapat dikaji oleh pengkaji dan mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengetahuan yang sangat tinggi bagi kesemua item ini.

Tahap pengetahuan pelajar ini adalah sangat tinggi dan objektif pembelajaran akidah ini telah disediakan untuk pelajar yang benar-benar faham dan mempraktikkan atasas akidah yang sempurna dalam kehidupan seharian yang bersesuaian dengan kehendak Islam dan benar-benar telah tercapai. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa ia selaras dengan saranan Imam al-Ghazali (1995), yang telah menekankan konsep ilmu yang berkaitan dengan sumber kecerdasan akal yang telah dikurniakan oleh Allah kepada manusia. Dan kajian ini juga telah dikaji oleh Mohd Ramli(2003),Ahmad(2004), dimana kajian mereka menunjukkan bahawa mereka selari dengan pengkajian dengan tahap pengetahuan akidah pelajar pada tahap sederhana , namun kajian ini selari dengan saudara Talib et al;(2018), yang mendapati bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap eleman pendidikan akidah adalah sangat tinggi. Dapatan ini turut diterima pakai oleh saudara Abd Rahman (2018), yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan pelajar – pelajar di SMKA Perak pada tahap yang sangat tinggi.

Dapatan kajian juga telah mendapati dan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan akidah pada yang sangat tinggi dan sangat membanggakan. Ini kerana kajian yang telah dibuat ini menjadi salah satu usaha yang sangat bijak dalam mengukuhkan keimanan kepada pelajar dan menjadi perisai kepada segala gejala masalah yang ditimbulkan oleh pengaruh luar.

Kajian ini telah digandingkan dengan firman Allah dalam tafsirannya yang menyebut bahawa:

“ Tidak ada suatu musibah yang menimpa seseorang kecuali dengan izin Allah. Dan barangsiapa beriman kepada Allah , nescaya Allah akan memberi petunjuk kepada hatinya , dan Allah Maha Mengetahui akan segala sesuatu .” (Al-Taghabun:11)

Ayat ini telah menunjukkan bahawa apa yang berlaku di dunia ini sama ada perbuatan baik atau buruk adalah diatas izin dari yang Maha Kuasa yang telah mengatur segala yang ada di dunia ini. Pengetahuan akidah pelajar berada ditahap tinggi dalam kalangan pelajar di sekolah menengah di daerah Kluang. Dan konsep ini diterapkan berulang kali dan diulang-ulang kepada pelajar Islam di Malaysia dalam kurikulum Pendidikan Islam sepanjang mereka belajar di sekolah.

Pengetahuan mengenai akidah juga memberikan peranan sebagai pencegah kepada gejala kemurtadan dan pengetahuan akidah juga mampu untuk menanamkan rasa adanya Allah di dalam jiwa mereka serta ia menjadi perisai dan daya tahan jiwa remaja daripada terjebak daripada gejala murtad dan masalah sosial yang lain.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, tahap pengetahuan akidah dan amalan ibadah pelajar adalah sangat tinggi dan kajian ini diharapkan dapat memberi imput yang berguna dan bermotivasi kepada mana-mana yang berkaitan dalam memberikan imput berguna kepada tahap pengetahuan akidah pelajar yang masih lagi muda remaja dan di alam persekolahan. Usaha ini perlu dilaksanakan secara berterusan sebagai agenda untuk menyelamatkan muda remaja bangsa kita daripada terlibat daripada gejala murtad di sepanjang hayat mereka.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Abdul Basit bin Samat @ Darawi selaku penyelia saya dan juga kepada semua responden yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Abd Halim Tamuri . 2006. Modul pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran: Pendekatan terkini. *Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan*.
- Abd Halim Tamuri dan Jaafary Awang (2005), Cabaran pendidikan nilai dalam pembangunan di Malaysia. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.Bil.1.Isu 3.
- Abd Halim Tamuri. 2005. Isu-isu dalam amalan pengajaran guru Pendidikan Islam.Sekolah rendah dan menengah. *Fakulti Pendidikan Islam*.Jil.23,29-47.
- Abd Halim,Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamarulzaman Abdul Ghani & Mohd Che Noh 2006. *Kajian amalan pengajaran pendidikan Islam di Sekolah rendah*.
- Awang Mohd Salleh. 2010. Pengajaran Agama Islam & J-Qaf Metadologi dan Pendidikan. *Utusan Publication Perpustakaan Negara Malaysia*. Terbitan pertama 2001.
Bahasa dan Pustaka.
- Hadi Mohd Kasran. PhD, Kerangka Akidah dalam kurikulum di Malaysia. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Halim, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaluddin, Kamrulzaman Abdul Ghani & Aderi Che Noh. 2006. Peranan guru dalam pembangunan ummah. *Universiti Malaysia*.

- Hamid Fahmy Zarkasyi. (1990). Pemikiran Al-Ghazali tentang pendidikan. *Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Hamidah Suhaimi. (2012). Penilaian Pelaksanaan pengajaran akidah dalam J-QAF. *Universiti Kebangsaan Malaysia.*
- Hassan Langgulung. (1998). Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke – 21. Indonesia: *Pustaka Al- Husna.*
- Ishak Haron. (1990). Mudah membaca Bahasa Malaysia. *Kuala Lumpur: Fajar Bakti.*
- Ismail Mustari. (2006) . Menjadi Belia Cemerlang. *Universiti Teknologi Malaysia.* Bil.1.2-4
- Juwariyah.(2008). Ibnu Khaldun dan pemikirannya tentang falsafah pendidikan. *Kependidikan Islam, Vol.3,No.1, Januari- jun 2008.*
- Kamarudin Hussin. (1993). Pedagogi 3 penggunaan psikologi dalam bilik darjah. *Petaling Jaya: Longman Malaysia,*
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. (2007). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran . *Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.*
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. (2012). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. *Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.*
- Kamarul Azmi Jasmi.(2011). Pendidikan Islam: Cabaran di alaf baru. *Seminar Pendidikan Islam. Kuala Kangsar : Madrasah Idrisiah.30 Oktober 2011.*
- Kareem zaidan, (1979), Dasar – dasar ilmu dakwah. *Penerbitan Universiti Malaysia.*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/2003: *Pelaksanaan Kurikulum Semakkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.*
- Majalah Pendidikan Guru Kampus Bahasa Meayu, Kuala Lumpur . *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 5 2020).*
- Misnan Jemali.(2008). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar , cabaran dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Perak: Universiti Perguruan Sultan Idris,hlm 3.*
- Mohd Majid Konting. (1990). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. *Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Mohd Majid Konting. (2004). Kaedah penyelidikan dalam pendidikan. *Kuala Lumpur : Dewan Mohd YusufAhmad. (2000). Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaysia.*
- Mok,S.S (1997). Pedadogi 2, Pelaksanaan Pengajaran. *Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.*
- Muhsien Sulaiman 2014. Peranan Dalam Pembangunan Ummah, Kuala Lumpur . *Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah. (2), 1-2.*
- Syed Sabiq . (2003). Terjemahan, Mohd Rathomy “ Akidah Islamiah”. Kuala Lumpur, *Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.*
- Syeikh Al-Ustaz Mustaffa Mashur , (1985), Terjemahan Dr Haji Mohd Tahir bin Daing Manggati “ Bekalan dalam perjalanan dakwah ”. *Pustaka As- Salam.*